

# Makna perjuangan Ghafar

Oleh ZIN MAHMUD  
(WARTAWAN UTUSAN)

**TAN** Sri Ghazali Shafie pernah menulis: "Saya secara ikhlas mengharap bahawa satu hari, setelah keserabutan politik tidak wujud lagi, ahli-ahli sejarah yang mengkaji perkembangan mengenai Malaysia hingga ke soal perkembangan sosioekonomi dan politik dan ahli biografi terlatih akan mencari potret manusia bernama Ghafar. Kedua-dua ahli sejarah dan ahli biografi akan akhirnya tidak dapat mengelak untuk sampai kepada satu kesimpulan bahawa pembentukan masyarakat Malaysia dan sikap egalitarian Ghafar adalah selaras, kalau tidak dianggap semakna."

Hakikat bahawa Ghafar adalah seorang yang sederhana dan pejuang golongan susah tidak dapat dinafikan. Beliau bukan saja menampilkan perawakan sederhana yang bersifat kerakyatan tetapi sepanjang kariernya telah berjaya menolak sebarang gelaran dan terus dikenali hanya sebagai Encik Ghafar hinggalah beliau berundur dari politik apabila dianugerahkan dengan bintang yang membawa gelaran Tun.

Beliau sendiri datang daripada keluarga yang amat susah. Menjadi anak yatim dan terpaksa bersusah payah untuk mendapatkan pendidikan dan pendapatan. Tetapi begitu juga dengan banyak orang di negara ini.

Tetapi beliau menjadikan perjuangan politik untuk membela golongan ini dan apabila mendapat kesenangan knasab, dia yang telah lupa dengan idealismenya.

Kesedaran politik membentuk pemikiran sejak berusia 15 tahun. Beliau melihat kolonialisme dan kemiskinan sebagai berkaitan dan perlu diperangi.

Maka beliau menyertai Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan kemudian Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) sebagai manifestasi perjuangan kemerdekaan dan membela golongan tertindas dan terpinggir, yang merupakan majoriti rakyat negara ini, kebanyakannya berada di luar bandar, dan umumnya adalah orang Melayu.

Pendidikan politiknya datang daripada buku-buku Indonesia yang bukan saja beliau baca, tetapi turut jadi pengedar dan penjualnya.

Dua medan menjadi pentas perjuangannya iaitu pendidikan dan kesatuan sekerja. Ia terserlah melalui kepimpinannya ke atas Kesatuan Guru Melayu Semenanjung (KGMS).

Pada mulanya, beliau tidak mahu menyertai UMNO pimpinan Datuk Onn Jaafar yang dilihat sebagai wadah politik British dan kaum bangsawan.

Tetapi apabila Tunku Abdul Rahman mengambil alih kepimpinan UMNO dan menukar slogan parti daripada Hidup Melayu kepada Merdeka, jiwa Ghafar berubah. Walaupun Tunku seorang bangsawan berpendidikan Inggeris tetapi beliau berjiwa rakyat dan seorang nasionalis.

Apabila PKMM dilumpuhkan British, Ghafar memilih menyertai UMNO. Begitu juga dengan beberapa tokoh PKMM lain seperti Aishah Ghani dan Sardon Jubir. Mereka mewarnai UMNO dan menjadikannya parti yang turut meletakkan kepentingan perjuangan menentang kemiskinan dan penindasan.

Tunku dan Tun Razak Hussein yang percaya kepada pembangunan sebagai cara bagi mengatasi kemiskinan memerlukan orang seperti Ghafar yang mempunyai idealisme perjuangan tinggi untuk memberi sumbangan kepada usaha ini.

Tidak keterlaluan untuk dinyatakan bahawa orang seperti Ghafar menyebabkan UMNO turut mempunyai ciri kerakyatan dan persamaan.

Dengan percaya bahawa UMNO merupakan wadah berkesan bagi perjuangannya, beliau terus bergerak mendapat sokongan rakyat. Justeru, tiga entiti ini dijadikan pangkalan gerakannya: UMNO, guru dan Melaka.

Beliau memilih UMNO kerana kepercayaannya kepada kepimpinan Tunku. Dari awal lagi beliau sudah melihat kepentingan kepimpinan, ada kalanya melebihi organisasi. Kepimpinan yang baik akan melahirkan organisasi baik. Organisasi baik tidak semestinya melahirkan pemimpin baik.


Dunia guru menjadi platform beliau bukan saja kerana beliau sendiri seorang guru. Tetapi pada masa itu, golongan intelektual terbesar Melayu ialah guru. Maka mereka ini mampu menjadi jurubicara rakyat, dan akhirnya beliau selaku pemimpin kesatuan guru berjaya meraih penglibatan guru untuk UMNO. Ini mengukuhkan kedudukan beliau sebagai pemimpin dalam UMNO.

Langkah seterusnya ialah Melaka sebagai platform. Walaupun sebuah negeri kecil tetapi Melaka yang tidak terikat dengan tradisi bangsawan, tambahan pula sifat pelbagai kaum negeri itu membolehkannya menjadi landasan bagi perjuangan menuntut kemerdekaan.

Ternyata Melaka memberi peranan besar terhadap kerjasama UMNO-MCA dan juga merintis kepada pencapaian kemerdekaan Tanah Melayu.

Kemenangan pilihan raya dan pembentukan kerajaan merupakan cara penting bagi melaksanakan program membantu rakyat. Tunku memberi kepercayaan kepada Ghafar. Beliau dilantik sebagai Ketua Menteri dan berusaha membangunkan negeri itu dengan penumpuan usaha memperbaiki taraf hidup masyarakat desa.

Di Melaka beliau berhadapan dengan golongan



GHAFAR ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 1986.

## Beliau memilih UMNO kerana kepercayaannya kepada kepimpinan Tunku. Dari awal lagi beliau sudah melihat kepentingan kepimpinan, ada kalanya melebihi organisasi

dan berkesan. Rakyat terus memberi sokongan kepada Ghafar, UMNO dan Perikatan.

Tetapi Tunku mahu beliau memperluaskan usaha pembangunan ini di peringkat persekutuan, maka beliau dibawa ke pusat dan menjadi Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, satu portfolio paling sesuai. Begitu juga apabila beliau dilantik menjadi Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang merupakan agensi penting pembangunan rakyat.

Semasa Allahyarham Tun Razak menjadi Perdana Menteri yang berorientasikan pembangunan luar bandar melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Buku Hijau, perkhidmatan beliau amat diperlukan.

Pada tahap itu, pembangunan luar bandar sudah menjadi teras kepada perjuangan UMNO. Dan Ghafar yang mewakili identiti ini dalam UMNO mempunyai kedudukan kuat, dan sebab itu berjaya mempertahankan jawatan Naib Presiden untuk jangka waktu lama. Kedudukannya ini membolehkan beliau dipilih untuk menjadi Timbalan Presiden dan Presiden jika keadaan menghendaki. Sementara penguatkuasanya dianggap sebagai menteri paling kanan.

### Menawarkan

Justeru apabila Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman meninggal dunia pada tahun 1973, Tun Razak menawarkan jawatan kedua tertinggi kerajaan itu kepada Ghafar. Tetapi beliau menolak kerana beranggapan bahawa Hussein Onn lebih layak kerana berpendidikan lebih tinggi dan mempunyai sokongan UMNO Johor yang lebih besar dan penting.

Bagaimanapun, beliau dilantik sebagai pemangku Perdana Menteri selama tiga bulan pada tahun 1975 apabila Tun Razak ke luar negeri dan Hussein Onn dimasukkan ke hospital.

Apabila Tun Razak meninggal dunia dan Hussein menjadi Perdana Menteri, Naib Presiden UMNO paling kanan yang wajar dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri ialah Ghafar. Tetapi ternyata Hussein memilih Dr. Mahathir Mohamad yang ketika itu merupakan Naib Presiden UMNO yang berada di tempat ketiga.

Hussein menawarkan Ghafar jawatan Menteri Pertanian tetapi beliau menolak.

Walaupun di luar Kabinet, Ghafar terus aktif berkhidmat untuk UMNO dan Barisan Nasional. Untuk itu, beliau bersama Tengku Razaleigh Hamzah berperanan besar merampas Kelantan daripada Pas.

Setelah Hussein meletakkan jawatan, Dr. Mahathir yang menjadi Perdana Menteri tidak melantik

Di peringkat itu, Ghafar yang terus memegang jawatan Naib Presiden, seolah-olah sudah menjadi jawatan tetapnya muncul sebagai mewakili sisi teras veteran UMNO. Beliau sudah tidak mengharap untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Sebagai Naib Presiden UMNO dan Setiausaha Agung BN, beliau mempunyai pengaruh besar dan ternyata mempunyai tanggungjawab untuk berperanan menghadapi isu-isu tertentu.

Dua isu penting menonjolkan kemahiran beliau sebagai ahli politik yang matang. Pertama, Krisis Perlembagaan 1983 dan Krisis MCA 1984.

Sebagai tokoh veteran berorientasikan rakyat, Ghafar mendapati krisis perlembagaan ini mengandungi isu-isu yang rapat dengan jiwanya. Justeru, beliau menjadi tokoh utama dalam mendukung Dr. Mahathir.

Kalau dahulu, Ghafar melihat Tunku sebagai pemimpin penting yang berkesan, kemudian beliau melihat Dr. Mahathir sebagai pemimpin yang wajar dipertahankan. Justeru dalam persaingan antara Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh, beliau memihak pada Perdana Menteri.

Tetapi Dr. Mahathir juga melihat keistimewaan Ghafar sebagai seorang veteran UMNO yang berpengaruh. Ketika Musa bergabung dengan Tengku Razaleigh menentang Dr. Mahathir dan banyak tokoh veteran menyebelahi mereka termasuk Tunku dan Hussein, Ghafar memilih untuk berada di pihak Dr. Mahathir. Maka sewajarnya beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Ghafar dan Dr. Mahathir datang dari satu generasi. Cumanya Ghafar telah berada lama dalam kepimpinan UMNO. Ghafar mewakili perjuangan Melayu pra-UMNO dan UMNO Tunku dan Tun Razak. Sementara Dr. Mahathir mencerminkan kepimpinan baru UMNO, bersifat dinamik, elitis, global, industri dan urban.

Sementara Ghafar masih mempunyai imej luar bandar, pertanian dan rakyat kebanyakan. Satu gabungan yang tidak mantap tetapi merupakan penyatuan dua unsur pendekatan dalam UMNO.

Kedudukan Ghafar tidak bertahan lama kerana beliau berhadapan dengan cabaran Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penyokong-penyokongnya. Kekekalannya ialah Dr. Mahathir tidak menyebelahinya. Maka Ghafar seperti juga Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tan Sri Sanusi Junid berada dalam pihak yang menentang Anwar dan kumpulan mereka.

Ghafar melepaskan jawatan politiknya tetapi terus memegang kerusi Parlimennya. Beliau hanya perlu menunggu masa.

Pada tahun 1997 apabila Anwar dipecat, Ghafar kembali turun padang dan berkempen membela Dr. Mahathir.

Dalam pilihan raya umum tahun 1999 yang mencabar bagi UMNO dan BN, beliau berjaya mempertahankan kerusinya dan mengalahkan Khalid Jaafar, bekas setiausaha akhbar Anwar.

Pada pilihan raya tahun 2004, BN di bawah pimpinan Abdullah, beliau tidak lagi bertanding dalam pilihan raya yang menandakan persaraannya dalam politik.

Ghafar tidak menjadi Perdana Menteri. Tetapi kehadirannya dalam politik sejak negara ini belum mencapai kemerdekaan dapat disaksikan betapa sumbangannya kepada pembentukan Malaysia sebagai